

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : SEMPENA PERASMIAN BENGKEL KERJA JAWATANKUASA KEUTUHAN
PENGURUSAN (JKP)
Lokasi : INTAN, BUKIT KIARA
Tarikh : 25-08-1998

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan shabas kepada BPR, MAMPU dan INTAN kerana telah mengambil inisiatif menganjurkan bengkel ini.

2. Pada 8 Januari 1998 yang lepas, Perdana Menteri telah mengeluarkan arahnya berkaitan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Arahannya mengkehendaki semua Menteri Besar, Ketua Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Perkhidmatan, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan serta agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan atau ringkasnya JKP di negeri, kementerian, jabatan dan agensi masing-masing.

3. Arahannya ini adalah merupakan salah satu langkah memantapkan lagi sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan. Langkah ini merupakan kesinambungan daripada beberapa langkah reformasi pentadbiran Kerajaan yang telah diperkenalkan sebelum ini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah meliputi usaha-usaha memperkemas dan memperkukuhkan struktur dan fungsi BPR, mengkaji dan meluluskan Akta Pencegah Rasuah 1997, memperkemas struktur dan fungsi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan, mempertingkatkan struktur dan peranan Biro Pengaduan Awam serta meneruskan usaha-usaha meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan Perkhidmatan Awam melalui usaha-usaha berterusan seperti reengineering dan MS ISO 9000 serta projek-projek di bawah Aplikasi Perdana seperti Electronic Government.

4. Dengan terlancarnya Arahannya tersebut, sukacita saya maklumkan bahawa pada hari ini semua 24 Kementerian dan 13 buah Kerajaan Negeri telah menubuhkan JKP masing-masing. Begitu juga dengan Jabatan-jabatan di peringkat Persekutuan dan negeri hingga ke daerah. Saya berharap Jawatankuasa-jawatankuasa Keutuhan ini bukan sahaja wujud pada namanya, tetapi benar-benar berfungsi dan menjalankan tugasnya sesuai dengan terma rujukan yang telah ditetapkan.

5. Arahannya PM perlu diterima sebagai pelengkap kepada langkah-langkah reformasi Kerajaan yang telah diperkenalkan sebelum ini. JKP dibentuk berasaskan kepada prinsip-prinsip menyeluruh, sistematik, bersepadu dan berterusan. Penubuhan JKP di semua peringkat adalah bertujuan supaya usaha-usaha memperbaiki kelemahan pentadbiran, pengurusan kewangan, pembanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan anggota pentadbiran kerajaan dapat dipertingkatkan oleh agensi-agensi Kerajaan secara dalaman, menyeluruh, sistematik dan berterusan dengan merangkumkan aspek-aspek kecekapan, ketelusan, integriti dan akauntibiliti.

6. Saya suka menjelaskan di sini maksud perkataan-perkataan dalaman, menyeluruh, sistematik dan berterusan. Dalaman bermaksud tindakan atau usaha-usaha yang mana perlu dilaksanakan oleh sesebuah organisasi untuk mencegah unsur-unsur penyelewengan, salahgunakuasa dan rasuah di dalam organisasi masing-masing.

Maksud menyeluruh pula merujuk kepada kepentingan penglibatan semua pihak samada di dalam atau di luar organisasi. Contohnya, sebuah jabatan membentuk dasar untuk tidak membenarkan anggotanya menerima sebarang hadiah dari mana-mana pihak yang mempunyai urusan rasmi. Untuk menentukan dasar ini mendapat penglibatan menyeluruh maka komitmen terhadap dasar ini perlulah diperolehi daripada anggota di dalam organisasi itu sendiri dan juga mereka yang mempunyai urusan dengan organisasi tersebut seperti pembekal-pembekal.

Sistematik atau terancang adalah menekankan bahawa tindakan pencegahan rasuah mestilah mempunyai dasar yang bertulis, didokumenkan dan mudah untuk dirujuk.

Dalam usaha menyediakan dasar pengurusan yang berintegriti tinggi, organisasi juga perlu menentukan

ianya mempunyai objektif, strategi, plan tindakan dan elemen tempoh masa terhadap pencapaiannya.

Akhir sekali perkataan berterusan ialah bermaksud mengkehendaki sesuatu isu dan masalah-masalah yang dikenalpasti dibincang dari masa ke semasa dengan menjadikannya sebagai agenda tetap di dalam mesyuarat pengurusan organisasi. Pemantuan ke atasnya hendaklah dilakukan secara berkala bagi memastikan semua keputusan penyelesaian ke atasnya benar-benar dapat dilaksanakan.

7. Lapan terma rujukan JKP yang dijelaskan di dalam Arahan Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 adalah dibentuk berasaskan kepada tiga gugusan tindakan yang mana dikenalpasti akan dapat mencegah penyelewengan, salahgunakuasa dan rasuah secara berkesan. Gugusan tindakan tersebut adalah meliputi: Pertama, kepentingan organisasi mencegah rasuah, salahgunakuasa dan penyelewengan melalui penutupan ruang dan peluang yang boleh wujud di dalam undang-undang, peraturan, sistem dan prosedur kerja sedia ada melalui kajian-kajian semula bagi mengemaskinikan undang-undang, peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur berkenaan; Kedua, usaha ke arah memastikan kaedah berkesan bagi menggalakkan penerapan nilai-nilai murni, penghayatan kod etika dan pemberian pengiktirafan dilaksanakan sepenuhnya oleh anggota-anggota Perkhidmatan Awam; dan Ketiga, meningkatkan usaha-usaha kawalan dalaman yang merangkumi tindakan punitif dan pemulihan.

8. Bagi membantu JKP melaksanakan fungsi dan tanggungjawab masing-masing, saya telah pun bersetuju dengan penubuhan tiga Pasukan Khas Perunding JKP yang masing-masing diketuai oleh Pengarah INTAN, Ketua Pengarah IKIM dan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Secara umumnya, bolehlah dirumuskan bahawa Pasukan Khas Perunding JKP ini bertindak ke arah empat pendekatan iaitu: Pertama, Menghalusi terma rujukan JKP berasaskan kepakaran dan pengalaman masing-masing bagi membantu Pengerusi dan Urusetia JKP di peringkat kementerian dan negeri dalam memahami konsep, prinsip dan kaedah pelaksanaan terma-terma rujukan yang berkaitan; Kedua, membantu Penyelaras JKP dalam menyediakan panduan, kaedah-kaedah penggubalan dasar dan pelan tindakan pengukuhan sistem integriti dalam jabatan; Ketiga, membantu dalam memberi cadangan penyelesaian terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh JKP di peringkat persekutuan dan negeri; dan Keempat, membantu mengenalpasti isu-isu utama yang boleh dikemukakan ke Mesyuarat JKKMKPK.

9. Pada masa ini Kerajaan sedang melaksanakan Program-program Pemulihan Ekonomi seperti yang telah diputuskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Berikutan dengan itu Perkhidmatan Awam telah diminta supaya bekerja keras untuk menyegerakan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah diluluskan samada yang bertaraf kecil, sederhana dan besar.

Perangkaan menunjukkan bahawa hanya 15 - 25% sahaja projek-projek kecil dan sederhana yang telah disiapkan menjelang 2 tahun pertama ini. Perkembangan ini adalah sangat tidak memuaskan memandangkan negara perlu mendapatkan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang cergas.

10. Di dalam menangani masalah kegawatan ekonomi ketika ini adalah sangat perlu kita memastikan setiap projek-projek pembangunan yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dengan segera tanpa lengah. Proses kerja perlu dipercepatkan. Begitu juga dengan urusan-urusan lain yang memberikan kesan berganda ke atas pergerakan pertumbuhan ekonomi. Ini termasuklah menyegerakan proses permohonan lesen, permit, pembiayaan kewangan, kebenaran pembinaan projek-projek perumahan, pertanian, tukar syarat tanah, perdagangan, sekolah-sekolah tadika, swasta dan lain-lainnya.

11. Kerenah-kerenah birokrasi perlulah dihapuskan.

Sikap sambil lewa dan suka melengah-lengahkan atau menanggungkan kerja hendaklah dihindari. Di sebaliknya faktor-faktor keutuhan mestilah terus dikekalkan dan dijadikan benteng di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita.

Para hadirin sekalian, 12. Meningkatkan keutuhan Perkhidmatan Awam adalah satu cara yang berkesan bagi pegawai-pegawai Kerajaan membantu negara dalam menghadapi kegawatan ekonomi.

Peningkatan dalam keutuhan juga dapat mengurangkan pembaziran di dalam perbelanjaan. Sebaliknya kelemahan dalam pengurusan kewangan akibat penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah akan meningkatkan jumlah perbelanjaan Kerajaan. Mengikut kajian dan pengalaman negara lain, rasuah, penyelewengan, kelemahan pentadbiran dan pengurusan kewangan boleh mengakibatkan sesebuah Kerajaan terpaksa membayar kos perolehannya 20 peratus lebih tinggi daripada jumlah sebenarnya. Oleh itu gejala ini mestilah dibendung sama sekali samada sekarang maupun di mana-mana waktu sekalipun.

13. Untuk menentukan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan JKP, Ketua-ketua Perkhidmatan dan Jabatan Kerajaan perlulah memainkan peranan dengan menerajui usaha-usaha pembentukan dan pelaksanaan JKP di peringkat masing-masing.

14. Oleh yang demikian, saya berharap supaya semua Ketua Jabatan menentukan yang mereka sendiri dapat mempengerusikan mesyuarat JKP di Jabatan masing-masing secara regular. Pada masa yang sama mereka juga perlu menentukan bahawa mesyuarat diadakan pada masa-masa yang telah ditetapkan dan tidak gagal di dalam menyediakan dan melaporkan maklumbalas kepada Penyelaras JKP setiap tiga bulan sekali.

15. Melalui JKP inilah Ketua-ketua Jabatan diharapkan dapat mengenalpasti isu-isu dan masalah yang dapat membantu mereka meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan jabatan sekaligus mengurangkan masalah dan kelemahan-kelemahan pentadbiran, unsur-unsur dan gejala salah guna kuasa, rasuah dan penyelewengan. Bagi menentukan jabatan dapat mengenalpasti isu-isu dan masalah-masalah tersebut Ketua-ketua Jabatan mestilah mengambil sikap terbuka. Aduan, teguran dan cadangan daripada orang awam dan pegawai-pegawai dalam jabatan hendaklah dilihat sebagai satu proses memberi maklumbalas dan bertujuan membina yang positif. Oleh yang demikian gunakanlah maklumbalas ini bagi memperbaiki kelemahan pentadbiran yang ada di dalam organisasi masing-masing.

16. Saya amat berharap supaya semua KSU dan SUK dapat mengkaji laporan-laporan maklumbalas yang dihantar oleh agensi-agensi di bawah kawalan masing-masing. Tindakan ini penting kerana melalui saluran inilah, isu-isu dan kelemahan-kelemahan dapat dikenalpasti. Jika didapati perkara atau isu yang dihadapi memerlukan suatu keputusan dasar dari Kerajaan, maka wajarlah perkara ini dilaporkan di dalam laporan maklumbalas JKP suku tahun bagi membolehkan pihak Urusetia Bersama membawanya kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK).

17. Ketegasan dan komitmen para pemimpin membawa perubahan di dalam usaha meningkatkan integriti di kalangan warga agensi di bawah sempadan kuasa masing-masing, adalah merupakan faktor penentu utama kepada kejayaan di dalam gerakan yang menyeluruh ini.

Tindakan pemimpin dalam sesebuah organisasi akan memberi kesan kepada kejayaan sesuatu tindakan. Dalam buku *The Tao of Leadership*, Han Dinasti China, ada disebut bahawa tindakan pemimpin mempunyai pengaruh ripple effect iaitu: 'Your behavior influences others through a ripple effect. A ripple effect works because everyone influences everyone else. Powerful people are powerful influences. Remember that your influence begins with you and ripples outward. So be sure that your influence is both potent and wholesome.' 18. Akhir sekali, saya amat berharap semoga Bengkel JKP yang diadakan sepanjang hari ini akan dapat melahirkan ide-ide yang bernas bagi memperkemas dan melengkapkan lagi jentera pentadbiran awam yang mana insyaAllah akan dapat menjana ke arah melahirkan pengurusan Kerajaan yang bercirikan good governance.

Tumpuan dan komitmen penuh dan padu daripada Y.Bhg.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan adalah sangat-sangat dialu-alukan bagi menjaya dan merealisasikan tujuan dan matlamat bengkel ini.

19. Dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahiim, saya dengan sukacitanya merasmikan Bengkel Kerja Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan.